

07/05/1997

Dr M pemimpin berjiwa baru

Zainuddin Ayip in Kasane (Botswana)

KASANE (Botswana), Selasa - Beberapa pemimpin Afrika yang menghadiri Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (SAID) di sini menyifatkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai pemimpin Asia berjiwa besar dan bersemangat kental.

Mereka berpendapat, usaha Perdana Menteri merealisasikan Wawasan 2020 boleh dicontohi oleh negara membangun di selatan Afrika.

Menurut mereka, kesungguhan Dr Mahathir memperkenalkan konsep Perkongsian Pintar adalah bukti beliau mahu melihat ekonomi negara yang menganggotai Komuniti Pembangunan Benua Selatan Afrika (SADC) cepat berkembang.

Presiden Namibia, Dr Sam Nujoma dalam satu kenyataan di persidangan itu berkata, wawasan Dr Mahathir cukup jelas sehingga mampu membawa Malaysia berkembang ke arah negara maju.

"Kini beliau bersungguh-sungguh mengajak negara di selatan Afrika cepat membangun menerusi konsep Perkongsian Pintar," katanya.

Dr Nujoma berkata, semangat `ubuntu' (saya di sini kerana anda, dan anda di sini kerana kami) boleh membantu hubungan baik bukan sahaja di dalam negara, malah di peringkat antarabangsa.

"Jika Wawasan 2020 sudah menampakkan hasil, negara di selatan Afrika juga akan berusaha ke arah itu, apa lagi dengan terbentuknya SADC beberapa tahun lalu," katanya.

Presiden Botswana, Ketumile Masire pula berkata, konsep Perkongsian Pintar yang diilhamkan oleh Malaysia boleh dilaksanakan di negara selatan Afrika.

"Saya berharap selepas dialog di Kasane ini, satu siri dialog antara kerajaan dan sektor swasta dilaksanakan oleh semua negara SADC," katanya.

Dalam pertemuannya dengan Dr Mahathir di Gaborone, Sabtu lalu Presiden Botswana memuji Perdana Menteri kerana dapat membawa Malaysia menjadi negara yang makmur dan cepat berkembang.

"Botswana boleh mengambil iktibar daripada kejayaan Malaysia dan saya cukup gembira jika dapat mencontohi Malaysia," katanya.

Beliau sudah mengenal pasti beberapa syarikat swasta di Botswana yang boleh membantu memajukan negaranya.

Presiden Zimbabwe, Robert Mugabe turut memuji Dr Mahathir kerana berjaya membawa Malaysia menghampiri negara maju.

Dalam dialog tiga hari itu, Perdana Menteri duduk semeja dengan Presiden Zimbabwe dan Presiden Botswana, manakala Presiden Namibia semeja dengan rakan sejawatnya dari Tanzania dan Mozambique.

Di akhir persidangan hari ini, Presiden Afrika Selatan, Nelson Mandela yang juga pengerusi SADC, membentangkan kertas kerja mengenai Hala Tuju Baru SADC, manakala Presiden Botswana bercakap mengenai Arah Hadapan Negara Selatan Afrika.

Esok, semua pemimpin negara pulang ke negara masing-masing manakala Dr Mahathir berlepas ke Cape Town untuk menerima anugerah Order of Good Hope daripada Mandela.

(END)